



## UNTUK SIARAN SEGERA

### **KENYATAAN MEDIA**

### **MAKLUMBALAS BERKAITAN “KEMATIAN IKAN DI PERAIRAN PERAK DAN PERAIRAN PULAU PINANG”**

1. Tular mengenai berita ikan yang mati dan terapung di perairan Pulau Pinang baru-baru ini adalah disebabkan oleh kehadiran spesies plankton atau dikenali sebagai **ledakan alga** *Cochlodinium* sp. yang tinggi di perairan tersebut.
2. Menurut Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, Pulau Pinang, ledakan alga *Cochlodinium* ini merupakan kejadian yang kerap berlaku di perairan pantai seluruh dunia pada setiap tahun.
3. *Cochlodinium* adalah spesies plankton yang toksik terhadap banyak spesies ikan dan kerang-kerangan, namun ia tidak memberi kesan kepada manusia. Hasil ikan yang ditenak di kawasan ini adalah **selamat untuk dimakan**.
4. Disebabkan ledakan ini, ikan-ikan terutamanya yang ditenak di dalam sangkar akan mati **akibat kekurangan oksigen** disebabkan insang ikan tersumbat, kerengsaan dan kerosakan pada tisu insang ikan.
5. Seperti yang terjadi di sangkar ikan Tg. Piandang keadaan ikan pada waktu itu adalah tidak normal di mana ikan mula berenang di permukaan air dan warna air telah menjadi kemerahan. Ikan yang mati adalah jenis ikan merah dan nyok-nyok.
6. Walaubagaimanapun tiada aduan melibatkan ikan laut liar dibuat kepada Jabatan Perikanan Negeri setakat ini. Ini berikutan ikan liar lebih mudah melarikan diri dari kawasan yang tercemar dengan ledakan alga *Cochlodinium*. Menerusi siasatan juga mendapati statistik tangkapan nelayan masih lagi di tahap yang tinggi dan keadaan ikan di laut masih dalam keadaan yang terkawal.
7. Susulan peristiwa buruk ini, Jabatan Perikanan menyarankan agar;
  - i. Penternak dinasihatkan supaya **tidak membuang bangkai ikan** yang tercemar ke laut atau kawasan sangkar. Ikan-ikan yang mati perlu **dilupuskan mengikut SOP** yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.
  - ii. Penternak dinasihatkan untuk **memindahkan ikan ternakan** yang terkena ledakan plankton ke kawasan/petak sangkar yang tiada ledakan serta

bersedia untuk menuai ikan jika kelihatan ikan kesesakan nafas bagi **mengelakan kerugian** yang lebih banyak.

- iii. Pengawasan paras plankton yang meledak di tapak ternakan ikan perlu diperiksa dari semasa kesemasa sehingga ledakan berakhir.
  - iv. Pengawasan paras mutu air di tapak ternakan ikan khususnya paras oksigen terlarut. Jika sesuai, penggunaan sistem pengudaraan (aeration system) dapat meningkatkan paras oksigen terlarut dalam air.
8. Ledakan alga ini dijangka boleh melarat sehingga ke perairan negeri Kedah dan memberi kesan yang sama. Justeru, penternak di negeri Kedah juga dinasihatkan untuk berjaga-jaga dan membuat laporan segera ke Pejabat Perikanan sekiranya berlaku perubahan warna pada air dan kelakuan tidak normal pada ikan ternakan.
  9. Diharapkan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dengan merujuk kepada laporan siasatan yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Ikan (FRI) Batu Maung dan NaFish dapat menghentikan sebarang andaian yang tidak berasas.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**4 Jun 2020 (Khamis)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)